



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA AMALAN PENGAJARAN GURU DALAM AYAT
KEFAHAMAN PENGAJIAN AL-QURAN DENGAN PENGHAYATAN AL-QURAN
MURID TINGKATAN EMPAT DI SMKA DI SABAH**

NAZIRATUL IZZATI ANI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru dalam Ayat Kefahaman Pengajian al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dan hubungannya dengan penghayatan al-Quran pelajar. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah tinjauan dalam mengumpul data yang melibatkan 254 orang pelajar tingkatan empat dan 34 orang guru Pendidikan Islam di 5 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Negeri Sabah. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan min, sisihan piawai dan peratus manakala analisis inferensi menggunakan ujian t, ujian ANOVA dan korelasi Pearson. Dapatkan kajian mencatatkan tahap amalan pengajaran guru dalam ayat kefahaman Pengajian al-Quran dari aspek persediaan, perkembangan dan penutup pengajaran berada pada tahap sederhana tinggi, walau bagaimanapun aspek sahsiah guru berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhan aspek amalan pengajaran guru berada pada tahap sederhana tinggi. Aspek penghayatan pelajar menunjukkan tahap kefahaman dan perasaan pelajar terhadap ayat kefahaman Pengajian al-Quran adalah tinggi. Manakala penghayatan pelajar dari segi amalan berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis perbezaan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penghayatan al-Quran antara jantina lelaki dan perempuan manakala perbezaan berdasarkan gred pencapaian Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) menunjukkan pelajar memiliki tahap penghayatan al-Quran yang berbeza mengikut gred pencapaian. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana antara amalan pengajaran guru dengan penghayatan al-Quran pelajar. Manakala hasil dapatan bagi hubungan strategi pengajaran dengan penghayatan al-Quran pelajar menunjukkan strategi pemusatan guru mempunyai hubungan yang lebih tinggi berbanding strategi yang lain dalam memberi penghayatan al-Quran kepada pelajar. Dapatkan kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, sekolah, institusi-institusi pendidikan yang lain dalam menyusun dan merangka program yang bersesuai dengan keperluan guru al-Quran serta dapat membantu guru dalam merancang pengajaran al-Quran yang lebih berkesan bagi meningkatkan penghayatan al-Quran di kalangan pelajar.





THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS' TEACHING PRACTICES OF THE COMPREHENSION VERSES IN QURANIC STUDY AND FORM FOUR STUDENTS' APPRECIATION OF AL-QURAN AT SMKA SCHOOL IN SABAH

ABSTRACT

This study aims to identify teaching practices in interpretation of al-Quran, Comprehension verses of Qur'anic Studies in the subject of al-Quran and al-Sunnah Education and the relationship between the practice of teaching and students' appreciation of al-Quran. The study used survey method to collect data involving 254 form 4 students who were chosen using simple random sampling, and 34 Islamic Education teachers. The study involves 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) in Sabah. Data was analyzed descriptively using mean, standard deviation and percent while inferential analysis was analyzed using t test, ANOVA and Pearson correlation. The findings of teaching practice in interpretation of the Quran comprehension verses of the teaching aspects, lesson development and closure are all at a moderately high mean values. However, the mean value of personality aspects of teachers are at the high level. The overall aspect of teaching practice is at a moderate level high. Aspects of students' appreciation that includes understanding, feelings and practices shows the level of students' understanding of the Quran comprehension verses as high and it can be delivered through the understanding of the feelings of students who also have a higher mean value. But this is unlikely in the practice level which is at a moderately high interpretation. Besides that, the difference of appreciation level of the Quran based on students' achievement grade in Islamic Education in the Peperiksaan Menengah Rendah (PMR), shows that students' appreciation of the Quran varies according to grade achievement. Results also show that there is a moderate relationship between the teaching practice by teachers in the interpretation of the Quran comprehension verses with students' appreciation of al-Quran. Meanwhile, the findings of the relationship between teaching strategies with students' appreciation of the Quran shows that the teacher-centered strategy has a higher correlation than other strategies applied to students. The findings are intended to help the Ministry of Education, schools and other educational institutions to provide the appropriate programs needed and to help teachers in planning their teaching of the Quran to be more effective in the effort of increasing the appreciation of al-Quran among students.





KANDUNGAN

MukaSurat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	4
1.3	Penyataan masalah	7
1.4	Tujuan kajian	
	1.4.1 Objektif kajian	13
	1.4.2 Soalan kajian	14
	1.4.3 Hipotesis kajian	14
1.5	Kerangka konseptual kajian	16
1.6	Kerangka teori kajian	19
1.7	Kepentingan kajian	21
1.8	Batasan kajian	23





1.9	Definasi operasi	24
	1.9.1 Amalan pengajaran guru	24
	1.9.2 Penghayatan al-Quran	24
	1.9.3 Ayat kefahaman Pengajian al-Quran	25
1.10	Kesimpulan	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	28
2.2	Sejarah pengajaran tafsir	
	2.2.1 Zaman Rasulullah S.A.W	29
	2.2.2 Zaman Sahabat	30
	2.2.3 Zaman Tabi'in	31
	2.2.4 Selepas zaman Tabi'in	33
	2.2.5 Sejarah perkembangan pengajian al-Quran di Sabah	34
2.3	Pengajian ilmu tafsir dalam pendidikan kebangsaan	
	2.3.1 Sekolah rendah	36
	2.3.2 Sekolah menengah	36
2.4	Amalan pengajaran guru	
	2.4.1 Pengertian pengajaran	38
	2.4.2 Prinsip pengajaran	39
	2.4.3 Permulaan pengajaran	41
	2.4.4 Perkembangan pengajaran	43
	2.4.5 Strategi pengajaran menurut al-Ghazali	45





2.4.6	Penutup pengajaran	48
2.4.7	Sahsiah guru menurut al-Ghazali	49
2.4.8	Konsep penghayatan al-Quran	51
2.4.9	Penghayatan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dalam Kurikulum Kebangsaan	56
2.4.10	Pengahayatan akidah	59
2.4.11	Penghayatan ibadah	62
2.4.12	Penghayatan akhlak	65
2.5	Kajian-kajian lepas	68
2.6	Kesimpulan	74

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1

05-4506832



3.2	Reka bentuk kajian	76
3.3	Lokasi kajian	77
3.3.1	Penentuan kawasan	77
3.3.2	Penentuan tempat kajian	78
3.3.3	Penentuan sekolah	79
3.4	Populasi, sampel dan kaedah persampelan	80
3.4.1	Populasi	80
3.4.2	Sampel dan kedah persampelan	81
3.5	Instrumen kajian	82
3.5.1	Soal selidik murid	83
3.5.2	Soal selidik guru	86





3.6	Kesahan instrumen kajian	87
3.7	Kajian rintis	89
3.8	Kebolehpercayaan instrumen	90
3.9	Tatacara pemerolehan data	92
3.10	Tatacara analisis data	93
	3.10.1 Analisis data deskriptif	94
	3.10.2 Analisis data inferensi	95
	3.10.3 Analisis korelasi	95
3.11	Kesimpulan	96

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	98
	pustaka.upsi.edu.my	
4.2	Profil responden kajian	99
	4.2.1 Profil guru	99
	4.2.2 Profil murid	101
4.3	Analisis deskriptif	103
	4.3.1 Amalan pengajaran guru	104
	4.3.1.1 Persedian pengajaran	105
	4.3.1.2 Perkembangan pengajaran	107
	4.3.1.3 Penutup pengajaran	123
	4.3.1.4 Sahsiah guru	127
	4.3.2 Rumusan amalan pengajaran guru	132
	4.3.3 Pengahayatan al-Quran murid terhadap ayat kefahaman	135





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

4.3.3.1 Aspek kefahaman	136
4.3.3.2 Aspek perasaan	146
4.3.3.3 Apek amalan	156
4.3.3.4 Rumusan keseluruhan aspek pengahayatan tafsir al-Quran ayat kefahaman	166
4.4 Analisis statistik inferensi	168
4.4.1 Analisis perbezaan	168
4.4.1.1 Amalan pengajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran berdasarkan latar belakang guru	169
4.4.1.2 Penghayatan ayat kefahaman Pengajian al-Quran berdasarkan latar belakang murid	172
4.4.2 Analisis hubungan	180
4.4.2.1 Hubungan antara amalan pengajaran guru dalam ayat kefahaman Pengajian al-Quran dengan penghayatan murid	180
4.4.2.2 Hubungan antara sahsiah guru dengan penghayatan al-Quran murid	181
4.4.2.3 Hubungan antara strategi pengajaran guru dalam ayat kefahaman Pengajian al-Quran dengan penghayatan murid	182
4.5 Kesimpulan	184

BAB 5**PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pendahuluan	187
5.2 Ringkasan kajian	187
5.3 Perbincangan	190



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



5.3.1 Analisis deskriptif	191
5.3.1.1 Amalan pengajaran	191
5.3.1.2 Sahsiah guru	202
5.3.1.3 Penghayatan al-Quran murid	204
5.3.2 Analisis inferensi	217
5.3.2.1 Analisis perbezaan	218
5.3.2.2 Analisis hubungan	222
5.4 Rumusan	224
5.4.1 Rumusan faktor latar belakang	225
5.4.2 Rumusan amalan pengajaran	226
5.4.3 Rumusan penghayatan murid	229
5.5 Implikasi	232
5.5.1 Implikasi teori	233
5.5.2 Implikasi praktikal	235
5.6 Cadangan	237
5.6.1 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan (KPM)	238
5.6.2 Cadangan kepada sekolah	239
5.6.3 Cadangan kepada pelaksanaan PDP	239
5.6.4 Cadangan kajian lanjutan	240
5.7 Kesimpulan	241
RUJUKAN	242
LAMPIRAN	251





SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
1.1 Isi kandungan pembelajaran ayat kefahaman pengajian al-quran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah tingkatan 4	26
2.1 Tajuk yang berkaitan dengan aspek aqidah	59
2.2 Tajuk yang berkaitan dengan aspek ibadah	62
2.3 Tajuk yang berkaitan dengan aspek akhlak	65
3.1 Jumlah SMKA di Malaysia	78
3.2 Senarai SMKA di negeri Sabah yang terlibat dalam kajian	79
3.3 Item demografi murid	84
3.4 Amalan pengajaran guru	85
3.5 Item penghayatan murid terhadap ayat kefahaman	86
3.6 Item amalan pengajaran guru	87
3.7 Senarai panel rujukan	88
3.8 Klasifikasi indeks kebolehpercayaan	91
3.9 Nilai pekali kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i>	92
3.10 Interpretasi min dimensi tingkah laku efektif	95
3.11 Nilai pekali korelasi	96
4.1 Profil guru PQS	100
4.2 Profil murid	103
4.3 Skala interpretasi skor min	104





4.4	Persediaan pengajaran guru PQS berdasar persepsi guru	106
4.5	Permulaan pengajaran guru PQS berdasar persepsi guru	109
4.6	Permulaan pengajaran guru PQS berdasar persepsi murid	110
4.7	Strategi pengajaran berpusatkan guru berdasar persepsi guru	112
4.8	Strategi pengajaran berpusatkan murid berdasar persepsi guru	114
4.9	Strategi pengajaran berpusatkan bahan berdasar persepsi guru	115
4.10	Strategi pengajaran berpusatkan guru berdasar persepsi murid	117
4.11	Strategi pengajaran berpusatkan murid berdasar persepsi murid	118
4.12	Strategi pengajaran berpusatkan bahan berdasar persepsi murid	120
4.13	Rumusan elemen strategi pengajaran dari persepsi guru dan murid	121
4.14	Penutup pengajaran dari persepsi guru	124
4.15	Penutup pengajaran dari persepsi murid	126
4.16	Sahsiah guru dari persepsi guru	128
4.17	Sahsiah guru berdasarkan persepsi murid	131
4.18	Rumusan elemen amalan pengajaran dari persepsi guru dan murid	133
4.19	Kefahaman aqidah murid	137
4.20	Kefahaman ibadah murid	140
4.21	Kefahaman akhlak murid	143
4.22	Rumusan elemen kefahaman murid terhadap pengajaran ayat kefahaman pengajian al-Quran	145
4.23	Perasaan aqidah murid	148
4.24	Perasaan ibadah murid	151





4.25	Perasaan akhlak murid	153
4.26	Rumusan elemen perasaan murid terhadap pengajaran ayat kefahaman pengajian al-Quran	155
4.27	Amalan aqidah murid	158
4.28	Amalan ibadah murid	160
4.29	Amalan akhlak murid	163
4.30	Rumusan elemen amalan murid terhadap pengajaran ayat kefahaman pengajian al-Quran	164
4.31	Rumusan keseluruhan aspek penghayatan ayat kefahaman pengajian al-Quran	166
4.32	Ujian-t perbezaan amalan pengajaran ayat kefahaman berdasarkan jantina	170
4.33	Anova sehala : perbezaan amalan pengajaran ayat kefahaman berdasarkan pengalaman mengajar	171
4.34	Anova sehala : perbezaan amalan pengajaran ayat kefahaman berdasarkan bilangan waktu mengajar	172
4.35	Ujian-t perbezaan penghayatan al-Quran berdasarkan jantina	174
4.36	Anova sehala : perbezaan penghayatan al-Quran berdasarkan kaum	175
4.37	Anova sehala : perbezaan penghayatan al-Quran murid berdasarkan pendapat ibu bapa	176
4.38	Anova sehala : perbezaan penghayatan al-Quran berdasarkan gred keputusan Pendidikan Islam dalam PMR	177
4.39	Ujian Post-Hoc Scheffe penghayatan al-Quran berdasarkan gred keputusan Pendidikan Islam Dalam PMR	178
4.40	Anova sehala : perbezaan penghayatan al-Quran murid berdasarkan insan yang mempengaruhi amalan Islam dalam kehidupan	179
4.41	Korelasi antara amalan pengajaran guru dalam ayat kefahaman pengajian al-Quran dengan penghayatan murid	181





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

4.42	Korelasi antara sahsiah guru dengan penghayatan murid	182
4.43	Korelasi antara strategi pengajaran dengan penghayatan murid	183
4.44	Rumusan dapatan inferensi dan korelasi	184



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	18
1.2 Kerangka Teori Kajian Pengajaran Tafsir	21
2.1 Model Penghayatan Pendidikan Islam	54



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang soal selidik guru
- B Borang soal selidik murid
- C Borang kesahan kandungan instrumen konstruk soal selidik guru
- D Borang kesahan kandungan instrumen konstruk soal selidik murid
- E Surat kebenaran menjalankan kajian UPSI
- F Surat kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
- G Surat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xviii

SENARAI SINGKATAN

j-QAF	Jawi, al-Quran, Arab dan Fardhu Ain
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PQS	Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Al-Quran al-Karim adalah sumber rujukan utama dalam pendidikan Islam. Menurut Muhammad Fadhil al-Jamali (1967) dalam bukunya *Tarbiyat al-Insan al-Jadid* mengatakan bahawa al-Quran al-Karim merupakan kitab terbesar yang menjadi sumber kepada falsafah pendidikan dan pengajaran. Menurut beliau lagi, al-Quran adalah kitab pendidikan yang pertama dan khusus sebagai kitab pendidikan kemasyarakatan, akhlak dan kerohanian. Di dalamnya terkandung pelbagai cabang ilmu merangkumi ilmu akidah, ibadah, syariat dan akhlak. Untuk memperoleh ilmu-ilmu tersebut perlu kepada pemahaman dan pentafsiran terhadap ayat-ayatnya. Ilmu tafsir al-Quran adalah salah satudaripada disiplin ilmu yang sangat penting untuk dipelbagaikan dalam memberi pemahaman kepada umat Islam.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Menurut Khalid Mahmood Shaikh (1999), ilmu tafsir merupakan sebahagian ilmu daripada ilmu al-Quran dan penguasaan terhadap ilmu ini dapat membantu seseorang muslim untuk memahami Islam dengan lebih mendalam. Tambah beliau lagi tanpa al-Quran umat Islam tidak akan mendapat pertunjuk dan tanpa ilmu tafsir kita tidak akan mengetahui cara untuk mengamalkan pertunjuk tersebut. Allah s.w.t. berfirman dalam Surah al-Shad(38): 29:

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَبَرُوا آيَاتِهِ وَلَيَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Bermaksud:

“(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatNya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”.



Ayat di atas dengan jelas menggesa umat Islam agar mentadabbur,

menghayati, memahami dan memikirkan tentang ayat-ayat al-Quran dan tidak hanya sekadar membacanya sahaja.Al-Zamakhsyari (538H) berkata *tadabbur* al-Quran bererti melakukan ta’amul (penghayatan) kepada makna dan memerhati dengan mata hati yang mendalam pada makna-makna tersebut.Al-Zarkasyi (794H) menyebut sesiapa yang tidak mempunyai ilmu, kefahaman, taqwa, *tadabbur*, dia tidak akan mengetahui kelazatan al-Quran.Allah s.w.t. berfirman lagi dalam Surah Muzammil(73): 4, Surah al-Jumu’ah(62):5, Surah al-Baqarah (2): 242, Surah Yusuf(12):2, Surah al-Qamar(54):17, 22, 32 dan 40 dengan maksud tujuan yang sama.Hal ini menjelaskan bahawa tuntutan memahami al-Quran adalah sesuatu yang penting dan perlu dilakukan oleh semua umat Islam yang beriman dengan kitabullah.





Abdul Ghani Azmi (1999) berkata petunjuk tidak akan difahami secara langsung melalui pembacaan al-Quran semata-mata. Untuk memahaminya dan mendapat pertunjuk Allah mestilah mempelajari tafsir kerana tafsir itu menjelaskan makna dan maksud al-Quran. Penghayatan kepada al-Quran bertitik tolak daripada pemahaman yang terhasil daripada pembelajaran tafsir al-Quran tersebut.

Manhaj al-Quran telah menetapkan bahawa ilmu yang diperoleh melalui pengajaran perlu dilaksanakan dalam bentuk amalan. Proses pengajaran akan sampai ke tahap kefahaman yang mantap dan jitu sebaik sahaja setiap ilmu yang diperolehi dilaksanakan dalam bentuk amalan (Janzarli, 1991). Menurut Janzarli (1991) pendidikan ini menjadi amalan dalam proses pendidikan yang diterajui oleh Rasulullah SAW seperti yang diceritakan oleh Ibn Mas'ud: *Apabila seorang pemuda*



Berdasarkan riwayat Ibn Mas'ud tersebut, dapat disimpulkan bahawa dalam mempelajari al-Quran perlu kepada mengetahui makna dan tafsirannya. Dengan mengetahui makna ayat dengan baik, manusia akan merasakan berkeperluan kepada petunjuk Allah lantas menjadikan al-Quran sebagai sumber utama dalam kehidupan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Qaradhawi (1980) menjelaskan bahawa pendidikan Islam ialah pendidikan yang menumpukan kepada segala aspek kehidupan manusia termasuk pendidikan hati, akal, rohani, jasmani, akhlak dan perilaku. Dalam konteks pelaksanaan pendidikan Islam di Malaysia, telah bermula sejak terdirinya kerajaan Melayu Melaka pada awal abad ke-15 Masihi (Ghazali,2004). Ia telah mengalami pelbagai peringkat penyaringan dan pengubahsuaian agar menjadi lebih efektif dan sistematik.

Mata pelajaran Pendidikan Islam di dalam kurikulum kebangsaan adalah salah satu mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar sekolah rendah menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Standard Sekolah



terlaksananya program j-QAF. Manakala mata pelajaran ini ditawarkan kepada pelajar sekolah menengah menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bagi sekolah menengah harian dari tingkatan satu hingga tingkatan lima, manakala mata pelajaran PQS dan Syariah Islamiah di tawarkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima sahaja sebagai mata pelajaran elektif manakala bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan sekolah menengah aliran agama-arab mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran teras menggantikan mata pelajaran Pendidikan Islam. Ruang lingkup mata pelajaran PQS dan Syariah Islamiah adalah lebih besar dan luas berbanding mata pelajaran Pendidikan Islam. Kedua-dua mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif bagi sekolah-sekolah yang bukan aliran agama pada peringkat menengah atas.





Pada peringkat menengah atas, mata pelajaran PQS adalah satu bidang yang menumpukan kepada pengetahuan dan kefahaman yang menyeluruh mengenai Islam. Ia tertumpu kepada aspek-aspek utama yang sering dikaitkan dengan pengajian al-Quran dan al-Sunnah dan amalan sehari-hari. Pengolahan mata pelajaran ini dibuat berasaskan bidang Pengajian al-Quran, Ulum al-Quran, Pengajian Hadis, Ulum Hadis, Akhlak dan Tamadun. Penyusunan ini berbeza dengan apa yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam teras yang disusun mengikut pembahagian tradisi ilmu-ilmu Islam. Tujuan sukatan mata pelajaran PQS ialah untuk memperkaya para pelajar dengan ilmu al-Quran dan al-Sunnah serta memantapkan kefahaman mereka mengenai konsep-konsep dan huraian ilmu al-Quran dan al-Sunnah melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terancang dalam dan luar bilik darjah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002).



Pengajian tafsir al-Quran di peringkat sekolah menengah telah lama diamalkan di Malaysia yang dikenali dengan ayat kefahaman di dalam komponen Tilawah al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan di dalam komponen Pengajian al-Quran dalam mata pelajaran PQS. Mengikut Sukatan Pelajaran PQS (2002), pembelajaran Pengajian al-Qur'an dapat memperkayakan lagi pengetahuan, kemahiran dan penghayatan yang berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah untuk diamalkan dan dihayati dalam kehidupan sehari-hari. Objektifnya ialah untuk melahirkan pelajar yang dapat memahami dan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.

Antara surah-surah yang dijadikan sukan adalah seperti Surah al-An'am, Surah al-Anfal, Surah al-Hajj, Surah al-Mu'minun, Surah Luqman, Surah Yasin,





Surah al-Hujurat dan Surah al-Rahman. Namun tidak keseluruhan surah diambil hanya sekadar petikan ayat-ayat tertentu sahaja yang ditetapkan untuk mengetahui latar belakang, fadhilat membaca, memahami pengertian, sebab nuzul, hikmat, pengajaran dan menghayati surah-surah tersebut. Ayat-ayat yang dipilih menyentuh pelbagai persoalan kehidupan seperti aqidah, hukum hakam, akhlak, kemasyarakatan dan sebagainya (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002).

Rentetan kemasukan pengajian tafsir al-Quran dalam KBSM, dapat difahami bahawa pengajian tafsir adalah satu cabang ilmu yang tidak harus dipinggirkan kepentingannya dalam usaha melahirkan generasi rabbani. Menurut Abdul Ghani Azmi (1999) al-Quran diturunkan untuk difahami, justeru itu aspek kefahaman, pengetahuan dan penghayatan perlu dicantumkan untuk menjadikan al-Quran berperanan sebagai kitab panduan dalam kehidupan.



Guru berperanan penting dalam menyampaikan intipati tafsir al-Quran dengan berkesan. Memandangkan al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab, maka guru sebagai sumber utama bagi pelajar dalam memahami kandungan ayat-ayat al-Quran. Dalam usaha mewujudkan pengajaran berkesan, guru perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran dan peka terhadap gaya pembelajaran pelajar serta strategi pengajaran dan pembelajaran (Shulman, 1987). Selain itu, pengajaran yang disampaikan dengan cara yang efektif akan membantu proses pengajaran al-Quran mencapai matlamatnya. Menurut Ahmad Mohd Salleh (1997), teknik mengajar yang berkesan ialah apabila pelajar mudah menerima, menghayati dan boleh mengaplikasikan pembelajaran dalam suasana kehidupan seharian.





Kebolehan pelajar untuk memahami dan menghayati al-Quran merupakan matlamat penting yang harus dicapai menerusi proses pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran Ayat Kefahaman dalam komponen Pengajian al-Quran di dalam bilik darjah. Seharusnya kemahiran membaca dan memahami al-Quran berjalan seiringan agar kefahaman yang diterap di minda pelajar dapat menanam minat mereka untuk terus membaca, beramal, menghayati dan mendalamai ayat-ayat al-Quran.

1.3 Penyataan Masalah

Kurikulum pendidikan telah disemak semula pada tahun 2002 setelah dilaksanakan hampir 10 tahun. Pada masa kini pelbagai masalah timbul berkaitan dengan



permasalahan yang berkaitan dengan amalan pengajaran guru dalam tafsir al-Quran ayat kefahaman di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan penghayatan al-Quran oleh pelajar SMKA.

Komponen Tilawah al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam menekankan lima aspek penting iaitu penguasaan tilawah al-Quran, hafazan, tafsir al-Quran ayat kefahaman, pengajaran ayat dan penghayatan. Pengajaran daripada tafsir al-Quran ayat kefahaman seringkali tidak ditekankan dalam pengajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah. Hasil kajian Misnan Jemali (2008) menunjukkan bahawa guru kurang menekankan aspek mentafsir ayat kefahaman dalam bahagian Tilawah al-Quran dalam pengajaran. Manakala banyak kajian-kajian lepas yang telah dilakukan menunjukkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar





menengah juga berada pada tahap sederhana(Farehan,2000, Mohamad Sabri,2001, Mohammad Naim, 2003, Mohd Aderi Che Noh, 2004, Misnan Jemali,2008& Mohd Aderi Che Noh,2011). Ini menunjukkan guru kurang menekankan aspek kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan pelajar seterusnya pengajaran kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran itu sendiri juga turut diabaikan.

Selain itu, guru juga tidak menjadikan tafsir al-Quran sebagai salah satu objektif dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Ini dibuktikan melalui kajian Misnan Jemali (2008), dapatan kajian bagi aspek membincangkan tafsir al-Quran sebagai objektif pengajaran, dapatan kajian menunjukkan seramai 67.9% daripada responden menyatakan bahawa pengajaran Tilawah al-Quran di kelas tidak kerap menekankan kemahiran tafsir al-Quran. Dapatkan ini menunjukkan lebih separuh responden pelajar



dalam kelas.Ditambah lagi seramai 52% daripada responden pelajar menyatakan bahawa guru kurang memberi penekanan kepada kemahiran tafsir al-Quran dalam pengajaran Tilawah al-Quran.Ini jelas menunjukkan sebahagian besar responden pelajar menyatakan bahawa pengajaran kemahiran tafsir al-Quran kurang diberi penekanan dalam pengajaran Tilawah al-Quran dari segi objektif pengajaran mahupun dalam amalan pengajaran guru sehari-hari.

Guru Pendidikan Islam juga dilihat tidak memberi penekanan kepada aspek menterjemah ayat kefahaman Tilawah al-Quran.Keadaan ini menjauhkan lagi pelajar daripada terus memahami kandungan al-Quran. Ini dibuktikan melalui kajian Misnan Jemali (2008), dapatan kajiannya menunjukkan penekanan kemahiran menterjemah ayat al-Quran di kalangan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran, menunjukkan

